



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT FOR EMPLOYMENT STATISTICS, FIRST QUARTER OF 2022

Malaysia's labour market rebounded in the first quarter of 2022, adding 148.52 thousand jobs as against same quarter of preceding year

PUTRAJAYA, 11 MAY 2022 – *Malaysia's labour market rebounded in the first quarter of 2022, adding 148.52 thousand jobs as against same quarter of preceding year to record 8.57 million jobs while quarter-on-quarter, increased by 41.4 thousand jobs, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **EMPLOYMENT STATISTICS, FIRST QUARTER 2022** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created indicators by skill categories and economic activities.*

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The number of jobs in economic sector edged up by 148.52 thousand to record 8.57 million jobs in the first quarter of 2022 (Q1 2021: 8.42 million) as the businesses continued to operate during the National Recovery Plan (NRP) phases. The increment was in tandem with further expansion in global and domestic activities, fuelled by broader vaccination coverage and a further improvement in merchandise trade. In addition, the first quarter of 2022 Quarterly Labour Force Survey Report released on 10 May 2022 also showed an encouraging year-on-year growth rate of employed person during the quarter.

On the same note, the number of filled jobs in this quarter also recorded an increase of 142.06 thousand jobs to record 8.39 million jobs against 8.25 million jobs in the first quarter of 2021. As for the rate of filled jobs and job vacancies, both rates stood at 97.8 per cent and 2.2 per cent respectively.”

Elaborating further on the filled job situation during the first quarter of 2022, the Chief Statistician said, “Analysing the year-on-year growth across the economic sector, the Manufacturing and Services sectors continued to record positive growth of 3.6 per cent (Q1 2021: 2.7%) and 1.9 per cent (Q1 2021: 1.0%) or equivalent to 2.24 million jobs and 4.42 million jobs respectively. On the contrary, the Agriculture, Mining & Quarrying and Construction sectors which encompassed of 20.6 per cent of the total filled jobs, remained in a downward trend. From the viewpoint of skill category, filled jobs was largely in semi-skilled category recording 5.24 million jobs or equivalent to

62.5 per cent, followed by skilled category with 2.07 million jobs (24.7%) and low-skilled by 1.07 million jobs (12.8%).

Commenting on job vacancies for this quarter, the Chief Statistician said, “The job vacancies has consistently recorded a positive year-on-year growth for two consecutive quarters and posted an increase of 6.46 thousand job vacancies to record 184.32 thousand job vacancies during this quarter (Q1 2021: 177.85 thousand). More than half of the job vacancies were in the semi-skilled category, accounted for 55.4 per cent or equivalent to 102.18 thousand, followed by skilled category 24.3 per cent (44.87 thousand) and low-skilled category which comprised by 20.3 per cent (37.26 thousand). By economic activities, more than half of the job vacancies were in the Manufacturing sector (106.20 thousand; 57.6%), largely in the sub-sector of Electrical, electronic and optical products (17.5%) and followed by Petroleum, chemical, rubber and plastic products (11.2%).”

The Chief Statistician further elaborated that as the labour market had gradually recovered consequent to the resumption of most economic and social activities, the number of jobs created had escalated to 25.84 thousand (+4.95 thousand) jobs during this quarter. For the record, this was the highest number recorded during the pandemic period and at the same time surpassing the pre-pandemic level which recorded on average of 25.0 thousand jobs created. Majority of the jobs created were in the semi-skilled category comprising 58.9 per cent or 15.23 thousand jobs while skilled category made up 31.1 per cent (8.04 thousand). Looking at the breakdown by economic activities, Services sector recorded the largest composition of jobs created which was 47.6 per cent or equivalent to 12.29 thousand jobs, mainly in the sub-sector of Wholesale and Retail Trade (4.73 thousand; 18.3%). The Manufacturing sector ranked second encompassing 33.3 per cent or 8.60 thousand jobs followed by Construction (12.9%), Agriculture (5.8%) and Mining & Quarrying (0.4%).


The Chief Statistician concluded that the overall performance of the labour demand indicated that it is paving the way to a more favourable and sustainable recovery in the near term. Meanwhile, as the nation is transitioning towards endemicity in the beginning of April 2022, more relaxations of Standard Operating Procedures (SOP) were announced which in turn may expedite the recovery momentum as well as revitalise the economy. Notably, the reopening of Malaysia’s border which took effect on 1 April 2022 is also anticipated to eventually revive the labour market in Malaysia to the normalcy amidst the resurgence of Omicron variant and the battle against COVID-19 has yet to be concluded.

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the surveys a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q1 2022



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
11 MAY 2022**



KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN PERTAMA 2022

Pasaran buruh di Malaysia pulih pada suku pertama 2022, bilangan jawatan meningkat 148.52 ribu berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya

PUTRAJAYA, 11 MEI 2022 – Pasaran buruh di Malaysia pulih pada suku pertama 2022, bilangan jawatan bertambah 148.52 ribu berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya dengan merekodkan sejumlah 8.57 juta jawatan manakala perbandingan suku ke suku, meningkat sebanyak 41.4 ribu jawatan, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU PERTAMA 2022** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Bilangan jawatan di sektor ekonomi meningkat sebanyak 148.52 ribu dan merekodkan 8.57 juta jawatan pada suku pertama 2022 (ST1 2021: 8.42 juta) memandangkan perniagaan terus beroperasi semasa fasa Pelan Pemulihan Negara (NRP). Peningkatan ini adalah selari dengan pengembangan aktiviti global dan domestik, didorong oleh liputan vaksinasi yang lebih meluas dan peningkatan dalam perdagangan barang. Selain itu, Laporan Survei Tenaga Buruh Suku Tahun Pertama 2022 yang diterbitkan pada 10 Mei 2022 juga menunjukkan kadar pertumbuhan tahun ke tahun bilangan penduduk bekerja yang memberangsangkan pada suku tahun ini.

Pada kenyataan yang sama, bilangan jawatan diisi pada suku tahun ini juga merekodkan peningkatan sebanyak 142.06 ribu jawatan kepada 8.39 juta jawatan berbanding sebanyak 8.25 jawatan pada suku pertama 2021. Sementara bagi kadar pengisian jawatan dan kekosongan jawatan, kedua-duanya kekal masing-masing pada 97.8 peratus dan 2.2 peratus.”

Mengulas lanjut mengenai kedudukan jawatan diisi pada suku tahun pertama 2022, Ketua Perangkawan berkata, “Berdasarkan analisis tahun ke tahun mengikut aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan terus merekodkan pertumbuhan positif masing-masing sebanyak 3.6 peratus (ST4 2021: 2.7%) dan 1.9 peratus (ST4 2021: 1.0%) atau bersamaan dengan 2.24 juta jawatan dan 4.42 juta jawatan.

Sebaliknya, sektor Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian dan Pembinaan yang merangkumi 20.6 peratus daripada jumlah jawatan diisi kekal dalam aliran menurun. Dari segi kategori kemahiran, jawatan diisi sebahagian besarnya dalam kategori separuh mahir yang merekodkan 5.24 juta jawatan atau bersamaan dengan 62.5 peratus diikuti oleh kategori mahir dengan 2.07 juta (24.7%) dan berkemahiran rendah sebanyak 1.07 juta jawatan (12.8%)."

Mengulas tentang kekosongan jawatan pada suku tahun ini, Ketua Perangkawan berkata, "Kekosongan jawatan secara konsisten telah mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun untuk dua suku tahun berturut-turut dengan merekodkan peningkatan sebanyak 6.46 ribu kekosongan jawatan kepada 184.32 ribu kekosongan jawatan pada suku tahun ini (ST1 2021: 177.85 ribu). Lebih separuh daripada kekosongan jawatan ini adalah dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 55.4 peratus atau bersamaan dengan 102.18 ribu, diikuti oleh kategori mahir sebanyak 24.3 peratus (44.87 ribu) dan kategori berkemahiran rendah yang meliputi 20.3 peratus (37.26 ribu). Mengikut aktiviti ekonomi, lebih separuh daripada kekosongan jawatan adalah di sektor Pembuatan (106.20 ribu; 57.6%), dengan sebahagian besarnya dalam subsektor produk Elektrik, elektronik dan optikal (17.5%) dan diikuti oleh produk Petroleum, kimia, getah dan plastik (11.2%)."

Ketua Perangkawan seterusnya menjelaskan bahawa selaras dengan pemulihan permintaan buruh secara beransur-ansur berikutan pembukaan semula kebanyakan aktiviti ekonomi dan sosial, bilangan pewujudan jawatan telah meningkat kepada 25.84 ribu (+4.95 ribu) jawatan pada suku tahun ini. Sebagai rekod, ini merupakan bilangan tertinggi yang dicatatkan semasa tempoh pandemik dan pada masa yang sama melepassi paras pra-pandemik yang mencatatkan secara purata 25.0 ribu pewujudan jawatan. Majoriti jawatan yang diwujudkan adalah dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 58.9 peratus atau 15.23 ribu jawatan manakala kategori mahir sebanyak 31.1 peratus (8.04 ribu). Melihat kepada perincian mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan merekodkan komposisi pewujudan jawatan terbesar iaitu sebanyak 47.6 peratus atau 12.29 ribu jawatan, terutamanya dalam subsektor Perdagangan Borong dan Runcit (4.73 ribu; 18.3%). Sektor Pembuatan menduduki tempat kedua merangkumi 33.3 peratus atau 8.60 ribu jawatan diikuti oleh Pembinaan (12.9%), Pertanian (5.8%) dan Perlombongan & Pengkuarian (0.4%).

Ketua Perangkawan Malaysia merumuskan bahawa prestasi keseluruhan permintaan buruh menunjukkan bahawa ia sedang menuju kepada pemulihan yang lebih baik dan mampan dalam tempoh terdekat. Sementara itu, berikutan negara sedang beralih ke fasa endemik bermula pada awal April 2022, lebih banyak kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) diumumkan yang seterusnya akan mempercepatkan momentum pemulihan serta mempergiatkan semula ekonomi. Pada masa sama, pembukaan semula sempadan Malaysia yang berkuat kuasa pada 1 April 2022 juga dijangka akan memulihkan pasaran buruh di Malaysia kepada keadaan normal


walaupun dalam tempoh berlakunya peningkatan semula varian Omicron dan usaha mengekang penularan COVID-19 masih belum selesai.

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal *Malaysia Labour Market Interactive Data* (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM dan menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST1 2022



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 MEI 2022**